

PEMBANGUNAN DAN PELABURAN LESTARI HARTA WAKAF DARI PERSPEKTIF ISLAM

*(Sustainable Development and Investment of Waqf Assets from the Islamic
Perspective)*

Syahnaz Sulaiman
syahnaz@islam.gov.my

Seksyen Muamalat, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan,
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim)
Aras 6, Blok D7, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya.

Aznan Hasan
haznan@iiium.edu.my

Institut Perbankan dan Kewangan Islam,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,
Peti Surat 10, 50728 Kuala Lumpur.

Ahmad Azam Sulaiman @ Mohamad
ahmadazams@um.edu.my

Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya, Jalan Universiti,
50603 Kuala Lumpur.

Abstrak

Inisiatif bagi mengarusperdanakan peranan wakaf sebagai enjin penggerak sosioekonomi ummah semakin diberikan perhatian oleh komuniti Islam pada peringkat global. Tumpuan kini diberikan terhadap aspek pembangunan dan pelaburan harta wakaf secara dinamik bertujuan mengekalkan kelestarian aset wakaf bagi memenuhi objektif penubuhannya. Pelbagai mekanisme pembangunan sama ada yang bersifat teoretikal atau praktikal yang sebahagiannya sudahpun diimplementasikan telah menyemarakkan lagi agenda menaik taraf aset wakaf bukan sahaja di Malaysia, bahkan di seluruh dunia. Sehubungan dengan itu, makalah ini akan membincangkan konsep pembangunan serta pelaburan harta wakaf secara lestari menurut perspektif Islam ke arah merealisasikan kaedah pembangunan dan pelaburan harta wakaf yang memenuhi tuntutan syarak.

Kata kunci: wakaf, pembangunan, pelaburan

Abstract

The initiative towards enhancing the role of waqf (endowment) as the main driving force for socioeconomic development of the ummah has received tremendous support from the Muslim community globally. Considerable attention has been paid to the aspect of waqf development and investment in order to maintain the sustainability of waqf assets to meet their divine and worldly objectives. Various mechanisms for waqf development, whether theoretical or already implemented, have intensified the effort to improve and raise the status of waqf assets not only in Malaysia but also throughout the world. Essentially, this study will discuss the concept of sustainable development and investment of waqf assets in the light of the Shariah. This study renders general guidelines towards implementing viable approaches for the development and investment of waqf assets that are in line with Islamic teachings and laws in Malaysia.

Keywords: waqf, development, investment

PENDAHULUAN

Sejarah peradaban Islam melakarkan bukti berhubung dengan peranan wakaf yang begitu signifikan terhadap pembinaan peradaban serta kekayaan milik umat Islam di seluruh dunia semenjak zaman Nabi Muhammad SAW sehingga hari ini. Sejak dahulu lagi, institusi wakaf berperanan dalam menyediakan kemudahan bagi memenuhi tuntutan dan keperluan sosial seperti pembinaan infrastruktur untuk kegunaan masyarakat seperti hospital dan penyediaan bekalan air, dan juga untuk kegunaan aktiviti keagamaan seperti tanah kubur dan pembinaan masjid, madrasah dan sekolah agama. Wakaf turut berperanan untuk mencapai objektif filantropi dengan matlamat membasmi kemiskinan dan menyediakan kemudahan awam kepada masyarakat dalam sektor pendidikan, penjagaan kesihatan, pertanian, kajian saintifik dan pembiayaan perniagaan.¹ Aset wakaf bukan sahaja terdiri daripada aset berkualiti tinggi yang menjana pendapatan seperti kompleks komersial dan hotel, bahkan turut menyediakan peluang pekerjaan kepada anggota masyarakat.² Idea dan konsep

- 1 Shukti Adam dan Ahcene Lahsana, 2013. "Cash Endowment as Source of Fund in Islamic Micro-Financing". Kertas prosiding 4th International Conference on Business and Economic Research (4th ICBER 2013). Bandung, Indonesia, hlm. 1363.
- 2 Magda Ismail Abdel Mohsin, "Revitalization of Waqf Administration and Family Waqf Law" dlm. *US-China Law Review* Bil. 7, No. 6, Jun 2010, hlm. 1.

wakaf merupakan suatu prinsip yang menjadi aspirasi dalam menentukan hala tuju pembangunan institusi yang tidak bermotifkan keuntungan (*Non-Profit Organisation* (NPO)) dan tidak berkaitan kerajaan (*Non-Governmental Organisation* (NGO)) bagi meningkatkan kuantiti dan kualiti perkhidmatan kebajikan ummah.³

Tidak dinafikan bahawa wakaf merupakan suatu konsep yang mempunyai kekuatan dengan struktur yang dinamik serta mekanisme yang fleksibel ke arah melahirkan produk dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan dan kepentingan masyarakat. Lantaran itu, wakaf secara tidak langsung menganjurkan nilai pembangunan dan pelaburan yang bersifat holistik dan lestari yang hasilnya dapat dinikmati dan dituai secara berterusan bukan sahaja di dunia, bahkan hingga akhirat.

Definisi dan Dalil Pensyariatan Wakaf

Dalam konteks muamalat Islam, *al-waqf* sinonim dengan *al-habs* yang bermaksud penahanan, *al-man'* bererti larangan⁴ serta *al-tasbil*, iaitu menyalurkan pada jalan Allah.⁵ Jumhur fuqaha mendefinisikan wakaf sebagai suatu dedikasi harta dengan menahan harta tersebut daripada sebarang pemindahan pemilikan dan manfaatnya disalurkan bagi tujuan kebajikan bertujuan untuk mendekati diri kepada Allah SWT.⁶ Pensyariatan wakaf adalah selaras dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai kebajikan (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian daripada apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.”

(*Surah Ali-Imran* 3:92)

-
- 3 Monzer Kahf, “Financing the Development of Awqaf Property”. Kertas kerja dalam Seminar on Development of Awqaf. Kuala Lumpur, 2-4 Mac 1998, hlm. 1, 1998.
 - 4 Shams al-Din al-Sarakhsi, 1986. *Al-Mabsut*. Jilid 12. Beirut: Dar al-Ma'rifah, hlm. 27.
 - 5 Ibn Qudamah, Abi Muhammd Abdullah bin Ahmad bin Muhammad, 1997. *Al-Mughni*. Jilid 8. Arab Saudi: Dar 'Alam al-Kutub, hlm. 184; Muhy al-din al-Nawawi, t.th. *Al-Majmu' Sharh al-Muhaddhab li Al-Shirazi*. Jilid 16. Jeddah: Maktabah al-Irsyad, hlm. 243.
 - 6 Burhan al-Din Ibrahim bin Musa bin Abi Bakr ibn al-Syakh 'Ali al-Tarabulsi, 1902. *Al-Is'af fi al-Ahkam*, hlm. 3; 'Alau al-ddin Abi Bakr bin Mas'ud al-Kasani, t.th. *Badai' al-Sana'i fi Tartib al-Sharai'*. Jilid 8. Beirut: Dar al-Kitab al-'Imiyyah, hlm. 38; Shams al-Din Muhammad bin al-Khatib al-Sharbini, 1997. *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifati Alfaz al-Minhaj*. Jilid 2. Beirut: Dar al-Ma'rifah, hlm. 485.

Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha dan ‘Ali al-Syarbaji (2009) menjelaskan bahawa frasa “apa sahaja kebajikan” membawa maksud segala bentuk kebaikan yang merujuk wakaf.⁷ Manakala, dalil hadis yang terkenal sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Umar perihal ayahandanya Sayidina Umar al-Khattab yang mewakafkan tanahnya yang terbaik di daerah Khaybar. Hasil tanah yang “ditahan” itu diagihkan kepada fakir miskin, kaum keluarga, hamba abdi, orang yang berada di jalan Allah (*fi sabilillah*), *ibn sabil* dan para tetamu.⁸ Hadis tersebut turut menggariskan prinsip utama yang mendasari konsep wakaf, yakni tidak boleh dijual, dihibah dan diwarisi. Perwakafan oleh Sayidina Umar berupa sebuah ladang bernama *thamgh* di Khaybar yang turut menjana hasil pertanian merupakan suatu manifestasi berhubung pensyariatkan wakaf, di samping disepakati oleh jumur fuqaha sebagai antara wakaf yang pertama dalam sejarah Islam.

Perkara yang lebih utama, hadis tersebut mengandungi fundamental yang jelas bahawa harta yang diwakafkan bukanlah terdiri daripada harta yang terpendam, kosong dan terbiar, sebaliknya terdiri daripada harta yang dimajukan dan mempunyai hasil untuk disalurkan kepada kepentingan orang ramai. Realiti ini agak berbeza daripada wakaf yang dilaksanakan oleh segelintir masyarakat Melayu apabila mereka mewakafkan hartanah yang tidak mempunyai potensi komersial,⁹ berada di kawasan yang jauh terpencil, saiz yang kecil dan tidak ekonomi sehingga sukar untuk dibangunkan. Senario ini seterusnya memberikan cabaran kepada pentadbir wakaf di Malaysia, selaku pemegang amanah tunggal untuk membangunkan aset wakaf sehingga mengakibatkan banyak hartanah wakaf masih belum

7 Al-Khin, Mustafa, al, Bugho Mustafa, dan al-Syarbaji, ‘Ali, 2009. *Kitab Wakaf, Wasiat dan Faraid*. Jilid 5. Diterjemahkan oleh Ridzuan Hashim *et al*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd., hlm. 934. (Teks asal dalam bahasa Arab, *Al- Fiqh al-Manhaji ‘Ala Mazhabi al-Imam al-Shafi’i*).

8 Hadis ini diriwayatkan oleh semua perawi dalam *Sunan al-Sittah*. Lihat Al-Syaikh Salih ibn ‘Abd al-‘Aziz ibn Muhammad, 2008. *Mawsu‘ah al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah: Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abi Dawud, Jami‘ al-Tirmizi, Sunan al-aisai‘y, Sunan Ibn Majah*. Al-Riyad: Dar al-Salam; al-Bukhari, t.th. “Bab ma lil wasiyyi al-ya‘mal fi mal al-yatim” dlm. *Kitab al-wasaya*, no. hadis 2764, hlm. 223; Sahih Muslim, t.th. “Bab al-waqf”, hadis no. 4224 dlm. *Kitab al-Wasiyyah*, hlm. 963; Sunan Abi Dawud, “Bab ma ja‘a fi al-rajul yuqafu al-waqf”, hadis no. 2878 dlm. *Kitab al-Faraid*, hlm. 1438; Jami‘ al-Tirmizi, “Bab ma ja‘a fi al-waqf”, no. hadis. 1375, hlm. 1791; Al-Nasai‘y, t.th. *Kitab al-Ihbas*, hadis no. 3637, hlm. 2326; Ibn Majah, *Kitab-sadaqat, abwab al-sadaqat*, hadis no. 2397, hlm. 2620.

9 Menurut Tunku Alina, terdapat kecenderungan dalam masyarakat Melayu apabila tanah yang mempunyai nilai komersial akan dibangunkan oleh pemilik tanah, manakala tanah yang kurang mempunyai potensi komersial akan diwakafkan. Lihat Tunku Alina Raja Muda Alias, 2011. “*Unleashing the Potential of the Waqf As an Economic Institution in Malaysia: Policy, Legal and Economic Reforms*”. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. International Centre for Education in Islamic Finance, Kuala Lumpur.

digembleng secara sewajarnya kerana berpunca daripada masalah kekurangan dana. Penelitian ini tidak bermakna menafikan kesahihan sesuatu wakaf yang dibuat (menurut hukum syarak). Masyarakat seharusnya diberikan pendedahan dan kesedaran tentang konsep harta wakaf yang sebenar yang seharusnya terdiri daripada harta yang produktif, atau jika harta tersebut tidak berpotensi untuk dibangunkan, maka pewakaf seharusnya membenarkan harta tersebut ditukar dalam bentuk yang lain bagi membolehkan harta wakaf tersebut dimanfaatkan.

Meskipun pada suatu ketika, peranan wakaf mengalami kemerosotan, namun kesedaran ke arah memperkasakan dan memberikan nafas baharu terhadap institusi wakaf semakin mendapat perhatian umat Islam. Terdapat konsensus dalam kalangan komuniti Islam kontemporari pada peringkat global bahawa institusi wakaf berupaya mengulangi sejarah kegemilangan kerana boleh berperanan secara kritikal sebagai pemangkin memajukan sosioekonomi ummah. Atas kesedaran yang semakin tinggi dan menebal dalam kalangan pentadbir wakaf di Malaysia, usaha pembangunan aset wakaf secara progresif semakin diberikan perhatian dan menjadi fokus serta agenda utama kerajaan bagi memperkasakan fungsi dan peranan wakaf.¹⁰

PEMBANGUNAN DAN PELABURAN HARTA WAKAF MENURUT PERSPEKTIF PERUNDANGAN MALAYSIA

Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan dalam Senarai II, Senarai Negeri memperuntukkan secara jelas tentang kedudukan wakaf sebagai harta keagamaan yang terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Bagi tujuan pengurusan dan pentadbiran wakaf, perundangan negeri memberikan bidang kuasa kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf bagi kedua-dua wakaf, iaitu wakaf am dan wakaf khas.¹¹ Seksyen 2, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505) yang mentakrifkan wakaf am sebagai “wakaf yang berkekalan atas modal dan pendapatan daripada harta bagi maksud-maksud agama dan khairat yang diiktiraf oleh hukum syarak, dan harta yang diwakafkan sedemikian”. Manakala, wakaf khas ertinya “wakaf yang berkekalan atau bagi suatu tempoh terhad atas modal harta bagi maksud-maksud agama atau khairat yang diiktiraf oleh hukum syarak, dan harta yang diwakafkan sedemikian, yang berpendapatan daripadanya diberikan

10 Jamil Khir Baharom, Ucapan Utama Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Majlis Perasmian Seminar Waqaf Antarabangsa 2014, Hotel Istana, Kuala Lumpur, 7-10 Disember 2014.

11 Lihat misalnya seksyen 32 Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999.

kepada orang-orang atau bagi maksud-maksud yang ditetapkan dalam wakaf itu". Akta 505 memperuntukkan secara jelas berhubung dengan ciri wakaf, yakni hendaklah bersifat kekal. Perkara yang lebih menarik, pelaksanaan wakaf sementara atau bertempoh juga dibenarkan di Wilayah Persekutuan. Peruntukan ini secara tidak langsung berupaya memperluas amalan wakaf dalam masyarakat bahawa sesuatu wakaf khas dapat dilaksanakan untuk tempoh tertentu.

Dalam merencanakan aktiviti pembangunan dan pelaburan harta wakaf, enakmen negeri memberikan kuasa kepada MAIN untuk melantik atau menubuhkan suatu entiti bagi melaksanakan tugas pembangunan dan pelaburan harta wakaf secara dinamik. Malah, pihak luar yang berminat untuk membangunkan harta wakaf, menubuhkan wakaf atau menawarkan produk wakaf yang diharuskan oleh hukum syarak boleh mendapatkan kebenaran daripada MAIN yang berkaitan.¹² Misalnya, seksyen 7 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dalam perkara yang menyentuh tentang "kewajipan MAIN tentang kemajuan ekonomi dan sosial orang Islam" memperuntukkan bahawa "menjadi kewajipan MAIN untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di negeri Selangor selaras dengan hukum syarak. MAIN juga mempunyai kuasa untuk "menggalakkan perjalanan apa-apa kegiatan sedemikian oleh badan-badan atau orang lain, dan bagi maksud itu untuk menubuhkan atau memperkembang, atau menggalakkan penubuhan atau perkembangan badan-badan lain untuk menjalankan apa-apa kegiatan sedemikian sama ada di bawah kawalan atau kawalan separa oleh MAIN atau secara bebas".

Seksyen berkenaan turut memberikan kebenaran kepada pihak MAIN untuk menjalankan apa-apa kegiatan pembangunan ekonomi dengan kerjasama agensi, badan atau pihak tertentu, termasuklah jabatan atau pihak berkuasa Kerajaan Persekutuan atau mana-mana negeri. MAIN juga diberikan kuasa untuk melaksanakan kaedah *istibdal* sebagai salah satu jalan keluar bagi memajukan harta wakaf yang tidak produktif, termasuk melaksanakan pelaburan seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 25 Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999 dan Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005.

12 Siti Mashitoh Mahamood, 2011. "Law of Waqf in Malaysia: Recent Developments" dlm. Monzer Kahf dan Siti Mashitoh Mahamood (ed.). *Essential Readings in Contemporary Waqf Issues*. Kuala Lumpur: CERT Publications, hlm. 94-95.

TEORI PEMBANGUNAN DAN PELABURAN DALAM ISLAM

Perkataan pembangunan dalam bahasa Arab ialah *tanmiyah* yang bermaksud pertambahan atau pengembangan.¹³ Menurut Miswan *et al.*, pembangunan melibatkan proses transformasi atau perubahan daripada suatu keadaan yang tidak berhasil atau kurang berhasil kepada suatu keadaan yang lebih berhasil secara lebih produktif bagi melahirkan sesuatu yang berfaedah.¹⁴ Dapat difahami bahawa pembangunan melibatkan perubahan kepada keadaan yang lebih sempurna secara konsisten dalam segenap aspek kehidupan manusia dari segi budaya, sosial, ekonomi, teknologi dan alam sekitar.¹⁵ Inti pati kepada perubahan yang positif ini berpaksikan kepada dua elemen utama, iaitu kesamarataan dan keadilan dalam agihan hasil daripada pembangunan sehingga dapat dinikmati dan dirasakan oleh setiap anggota masyarakat secara saksama.¹⁶ Perkara yang lebih utama, kerangka pembangunan dalam Islam bertujuan untuk mencapai *maqasid shari'ah* (objektif syariah), terutama sekali dalam aspek pemeliharaan harta bagi menjamin kerukunan kehidupan manusia di muka bumi ini.¹⁷

Pembangunan juga dianggap sebagai suatu bentuk “khidmat kepada Allah SWT” (*service to God*).¹⁸ Manusia sebagai khalifah yang diamanahkan oleh Allah SWT ditakliffkan untuk memakmurkan bumi dengan menguruskan dan memajukan harta secara optimum bagi membolehkan mereka mendiami dunia ini dengan penuh kesenangan berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud: “... Dialah yang menjadikan kamu daripada bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya...”.¹⁹ Jelas sekali bahawa sebarang bentuk pembekuan harta tanpa sebarang usaha dilarang dalam Islam. Ibn Khaldun meletakkan peranan modal insan sebagai antara komponen terpenting bagi menentukan hala tuju kemajuan peradaban manusia selaras dengan firman Allah SWT yang bermaksud, “Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum sehingga mereka mengubah nasib mereka sendiri”.²⁰

13 Nikmat Abd al-Latif Masyhur, 1997. *Athar al-Waqf al-Tanmiyyah al-Mujtama'*. Kaherah: Markaz Saleh Abdullah Kamil li al-Iqtisad al-Islami, Jami'ah al-Azhar, hlm. 44.

14 Miswan@Abdul Hakim *et al.* “Pembangunan Harta Tanah dan Pelestarian Alam”. Kertas kerja Seminar Pembangunan Harta Tanah Kebangsaan Menurut Perspektif Islam. Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 11-12 Ogos 2009, hlm. 2.

15 Slim, Hugo, “What is Development” dlm. *Development in Practice* 5:2, hlm. 143, Mei 1995.

16 Slim, Hugo, “What is Development” dlm. *Development in Practice* 5:2, hlm. 143-44, Mei 1995.

17 Monzer Kahf, 2011. *Asasiyyat al-Tamwil al-Islamiy*. Kuala Lumpur: International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA), hlm. 17-18.

18 Sardar, Ziauddin, “Beyond Development: An Islamic Perspective” dlm. *The European Journal of Development Research* 8:2 (Special Issue: Cultural Perspectives on Development), hlm. 47, 1996.

19 *Surah Hud* 11:61.

20 *Surah al-Ra'd* 13:11.

Pembangunan menurut kerangka Islam berbeza daripada konsep pembangunan menurut kaca mata Barat yang dilihat lebih menekankan aspek keuntungan material serta tidak mempunyai jiwa.²¹ Berbeza sekali daripada dasar pembangunan dalam Islam yang mempunyai nilai-nilai luhur bagi mengimbangi antara tuntutan duniawi dengan ukhrawi menerusi pembangunan yang bersifat dualisme dari sudut rohani dan jasmani. Kurshid (1980)²² merumuskan konsep pembangunan dalam Islam merangkumi empat dimensi utama, iaitu tauhid (keesaan Allah SWT), *rububiyah* (Allah SWT sebagai Tuhan yang melimpahkan rahmat), khalifah dan *tazkiyyah*²³ (penyucian). Manakala, Siddiqi (2009) merangkumkannya menerusi elemen *tazkiyyah* (pembangunan kerohanian menerusi penyucian jiwa); *tarbiyyah* (pembangunan akhlak); *tanmiyyah* (pembangunan sosial dan ekonomi); *tatawwur* (pembangunan pendidikan dan budaya); dan *taqaddum* (pembangunan ketamadunan).²⁴ Kesyumulan konsep pembangunan harta dalam Islam turut disebut oleh Mohd. Daud (1999) sebagai mempunyai dasar yang murni bagi menghalang kerosakan alam, menggalakkan kecekapan dan kelangsungan alam, serta pengagihan kekayaan dan harta secara adil dan saksama dalam masyarakat.²⁵

Nik Mohd. Zain dan Azimuddin dlm. Nik Mustapha (1999) seterusnya meletakkan *tazkiyyah* sebagai teras pembangunan dalam Islam yang melibatkan unsur pertumbuhan dan pengembangan menerusi penyucian sikap dan hubungan sesama insan.²⁶ Sehubungan dengan itu, Islam menginstitusikan beberapa instrumen ekonomi berasaskan syariah seperti zakat dan wakaf ke arah merealisasikan konsep *tazkiyyah*, iaitu pembangunan

21 Nik Mohd. Zain Haji Yusof dan Azimuddin Bahari, 1999. "Kedudukan dan Potensi Pembangunan Hartanah Wakaf di Malaysia: Satu Penilaian" dlm. Nik Mustapha Nik Hassan (ed.). *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), hlm. 110.

22 Ahmad, Kurshid, 1980. "Economic Development in an Islamic Framework" dlm. Ahmad, Kurshid (ed.). *Studies in Islamic Economics*. Leicester: Islamic Foundation.

23 Kursyid merumuskan bahawa konsep *tazkiyyah* didasari oleh enam elemen, iaitu zikir, ibadah, taubat, sabar, muhasabah dan doa.

24 Siddiqi, Muzammil H., 2009. *Principles and Goals of Development: An Islamic Perspective*. Diadaptasi daripada Miswan @Abdul Hakim Mohammed *et al.* "Pembangunan Harta Tanah dan Pelestarian Alam". Kertas kerja dalam Seminar Pembangunan Harta Tanah Kebangsaan Menurut Perspektif Islam. Dewan Besar Insitut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur, 11-12 Ogos 2009, hlm. 5.

25 Mohd. Daud Bakar, 1999. "Konsep dan Matlamat Harta dalam Pembangunan Ummah" dlm. Abdul Monir Yaacob dan Mohd. Fauzi Mustaffa. *Pentdbiran Harta Menurut Islam*. Kuala Lumpur: IKIM, hlm. 1-24.

26 Nik Mohd. Zain Haji Yusof dan Azimuddin Bahari, 1999. "Kedudukan dan Potensi Pembangunan Hartanah Wakaf di Malaysia: Satu Penilaian" dlm. Nik Mustapha Nik Hassan (ed.). *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), hlm. 111.

sosial dan ekonomi menerusi pembersihan harta dan jiwa, dan hasilnya berupa *al-falah* (kejayaan), yakni kemajuan dunia dan akhirat. Konsep *al-falah* yang begitu holistik menuntut keseimbangan keperluan material dan spiritual manusia meliputi kesejahteraan kerohanian, kebudayaan dan politik serta keadilan sosial dan ekonomi, di samping memperoleh keredaan Allah SWT di akhirat kelak.²⁷

Pelaburan pula ialah aktiviti ekonomi bagi meningkatkan kekayaan untuk mendapatkan keuntungan menerusi beberapa akad seperti *mudarabah*, *musharakah* dan *muzaraah* yang diharuskan dalam Islam.²⁸ Pelaburan dalam konteks ekonomi melibatkan penanaman modal oleh unit lebih kepada unit kurangan dengan jangkaan mendapat keuntungan pada masa hadapan setelah mengambil kira segala bentuk risiko yang mungkin berlaku.²⁹ Pada dasarnya pelaburan melibatkan aktiviti pengembangan serta pengemblengan harta secara produktif. Firman Allah SWT dalam *Surah al-Baqarah* yang menyebut bahawa orang yang membelanjakan harta pada jalan Allah akan diberikan ganjaran pahala yang berlipat ganda.³⁰ Ibn Khaldun dalam kitab *Muqaddimah* menekankan kepentingan pelaburan dengan ungkapan:

“Dan ketahuilah bahawa harta tidak berkembang apabila disimpan dan dikumpulkan dalam peti besi. Harta hanya akan tumbuh dan berkembang apabila dibelanjakan untuk kesejahteraan rakyat, memberikan mereka hak-hak mereka, dan bagi menghapuskan kesusahan mereka”.³¹

Situasi ini seterusnya dapat menyejahterakan kehidupan rakyat, mengukuhkan kestabilan negara, mewujudkan suasana yang makmur dan meningkatkan martabat sesebuah negara.³²

Terdapat hadis sebagaimana diriwayatkan oleh Umar al-Khattab dan Aisyah bahawa Rasulullah SAW penjaga yang menguruskan harta anak yatim hendaklah memperdagangkan harta tersebut dan tidak membiarkannya

27 Khan, Muhammad Akram, “The Future of Islamic Economics” dlm. *Futures* 23:3, hlm. 248-61, 1991.

28 International Shari’ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA), 2010. *ISRA Compendium for Islamic Financial Terms: Arabic-English*. Kuala Lumpur: ISRA, hlm. 213.

29 Mohd Afandi Mat Rani *et al.*, t.t. *Transformasi Wakaf di Malaysia: Isu dan Cabaran*. Shah Alam: Institut Kajian Zakat Malaysia, Universiti Teknologi Mara, hlm. 151.

30 *Surah al-Baqarah* 2:261.

31 Ibn Khaldun, 2005. *The Muqaddimah: An Introduction to History*. Jilid 2. Diterjemahkan oleh Franz Rosenthal. New York: Bolingen Series XLII Pantheon Books, hlm. 146.

32 *Surah al-Baqarah* 2:146.

habis dimakan oleh zakat.³³ Hadis berkenaan merupakan sandaran yang jelas berhubung dengan keharusan mengembangkan harta menerusi aktiviti pelaburan yang halal bagi menjana keuntungan kepada pemilik dan penerima manfaat.

KONSEP PEMBANGUNAN DAN PELABURAN WAKAF SECARA LESTARI

Pengertian wakaf dari sudut istilah sebagaimana yang diungkapkan oleh Ibn Qudamah (1985), “*tahbis al-asl wa tasbil al-thamarah*”³⁴ yang bermaksud “menahan harta yang asal dan menyalurkan hasil” jelas menggambarkan konsep wakaf sebagai suatu bentuk harta yang bersifat dinamik dan lestari. Definisi ini memberikan konotasi bahawa harta wakaf terdiri daripada harta yang tidak akan musnah setelah digunakan dan berupaya menjana manfaat tanpa menghabiskan *ain* harta tersebut. Lantaran itu, harta wakaf hendaklah terdiri daripada kategori harta yang mempunyai ciri kekal, di samping menghasilkan manfaat secara konsisten merangkumi harta tak alih (*al-‘aqar*) dan harta alih (*al-manqul*). Harta ketara yang mempunyai fizikal seperti tanah dan bangunan merupakan kategori harta wakaf yang popular, di samping harta benda lain seperti wang tunai, buku, perabot, haiwan ternakan, kenderaan dan jentera. Manakala, harta dalam bentuk kontemporari pula seperti saham, bon, unit amanah, manfaat, dan hak berkaitan dengan kewangan yang berupa harta intelek seperti paten, hak cipta dan cap dagangan juga diiktiraf sebagai harta wakaf oleh majoriti ulama.³⁵

Menahan harta wakaf bagi menjamin kekekalan bukanlah bermaksud membiarkan harta tersebut terpendam atau dimakan lalang tanpa sebarang usaha. Penahanan harta wakaf sebenarnya merujuk menahan harta daripada sebarang bentuk pemilikan individu kepada hak milik Allah SWT secara kekal,³⁶ manakala manfaatnya disalurkan bagi tujuan kebajikan.³⁷ Oleh

33 Hadith yang diriwayatkan oleh Imam Malik sebagaimana yang disebutkan oleh Umar al-Khattab.

Lihat Malik bin Anas, *al-Muwatta’*, 1992. Dubai: Maktabah al-Furqan, hlm. 582. Lihat juga hadith yang diriwayatkan oleh al-Dar al-Qutni dan Ibn ‘Arabiy. Lihat ‘Ali bin Umar al-Dar al-Qutni, t.th. *Sunan al-Dar al-Qutni*. Beirut: Dar al-Ma‘rifah, hlm. 280; Ibn al-‘Arabiy al-Maliki, t.th. *Aridah al-Ahwazi bi Sharh al-Tirmizi*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, hlm. 136.

34 Ibn Qudamah, Muwafiquddin Abdullah bin Ahmad, 1985. *Al-Muhtaj*. Jilid Lima. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabiy, hlm. 375.

35 *Majma Fiqh al-Duwali*, 2009. Keputusan no. 175 (1/19), United Arab Emirates (UAE), 26-30 April 2009.

36 Al-Sharbiniy, Shamsuddin Muhammad bin al-Khatib, 1997. *Mughni al-Muhtaj ila Ma‘rifati al-fazal-Minhaj*. Jilid 2. Beirut: Dar al-Ma‘rifah, hlm. 376.

37 Al-Zarqa, Ahmad, 1997. *Ahkam al-Awqaf*. Amman: Dar Ammar, hlm. 10.

itu, pengertian kekal bagi harta wakaf bukan sekadar merujuk pengekelan fizikal aset semata-mata, bahkan turut mengambil kira keupayaan aset wakaf menjana manfaat secara berterusan.³⁸ Sebagai suatu bentuk pengorbanan harta yang bercirikan penjanaan manfaat secara mampan, wakaf secara tidak langsung menganjurkan konsep pelestarian aset yang efisien untuk dinikmati oleh umat Islam dahulu, kini dan masa hadapan. Manakala, pewakaf yang menyerahkan hartanya ke jalan Allah SWT juga akan menikmati ganjaran pahala sepanjang hayat sehingga selepas kematiannya. Hal ini bertepatan dengan konsep *sadaqah jariyah* dalam hadis Rasulullah SAW yang merujuk wakaf sebagai suatu amalan yang menjanjikan ganjaran pahala yang berkekalan di dunia dan akhirat.³⁹ Amat jelas sekali bahawa konsep wakaf begitu sarat dengan sentuhannya yang bersifat syumul kerana menggabungkan aspek ibadah bagi mendekatkan diri kepada Allah (*taqarrub ila Allah*), di samping menganjurkan elemen pembangunan material untuk kemaslahatan ummah secara lestari.

Konsep pembangunan yang bersifat lestari secara amnya, dijemakan menerusi konsep wakaf dalam Islam. Entiti wakaf pada dasarnya bersifat mampan (*sustainable*) kerana ditadbir oleh prinsip fundamental, iaitu kekal, tidak boleh dipindah milik dan ditarik balik.⁴⁰ Ciri ini menjadikan wakaf sebagai agen terbaik bagi membina aset dan kekayaan umat Islam. Sejarah ketamadunan Islam membuktikan bahawa wakaf memainkan peranan penting sebagai sektor ketiga yang meringankan beban kerajaan dalam membiayai kebajikan masyarakat. Peranan wakaf yang begitu signifikan ini diungkapkan oleh Yediyyildiz (1996)⁴¹ dan Baskan (2002)⁴² berhubung dengan kepentingan wakaf pada era kegemilangan empayar Turki Uthmaniyyah bahawa kehidupan individu semenjak kelahiran sehingga kematiannya dibiayai oleh institusi wakaf.

38 Monzer Kahf, 1999. "Towards the Revival of Awqaf: A New Fiqhi Issues to Reconsider". Kertas kerja dalam Seminar Harvard Forum on Islamic Finance and Economics. Harvard University, U.S.A., 1 Oktober 1999, hlm. 4.

39 International Shariah Research Academy for Islamic Finance (ISRA), 2010. ISRA Compendium for Islamic Financial Terms: Arabic-English. Kuala Lumpur: ISRA, hlm. 96; Al-Arnawut, Muhammad M., 2000. *Dawr al-Waqfi al-Mujtami'at al-Islamiy*. Lubnan: Dar al-Fikr al-Mu'asir, hlm. 79.

40 Mohammad Obaidullah, 2014. "Waqf Development: Islamic Development Bank Experience". Kertas kerja dalam Seminar Wakaf Kebangsaan 2014. Hotel Istana, Kuala Lumpur, 7 - 8 Disember 2014, hlm. 1.

41 Yediyyildiz, B., 1996, "Place of the Waqf in Turkish Cultural System". Kertas kerja dalam Seminar Habitat II. Istanbul, 12 April 1996.

42 Baskan, Birol, 2002. "Wakaf System as a Redistribution Mechanism in Ottoman Empire". Kertas kerja 17th Middle East History And Theory Conference. Center for Middle Eastern Studies, University of Chicago, 10 - 11 Mei 2002, hlm. 18.

Wakaf sebagai suatu sumbangan yang berbentuk kekal abadi juga seharusnya bersifat produktif kerana menggabungkan elemen simpanan tetap serta pelaburan jangka panjang.⁴³ Menurut Kahf (1999), konsep wakaf menggabungkan elemen simpanan dan pelaburan melalui pengumpulan aset dan pertumbuhan modal dalam ekonomi bagi meningkatkan pengeluaran perkhidmatan dan pendapatan selaras dengan konsep pengekalan wakaf. Oleh itu, sebarang bentuk pengurangan aset wakaf ditegah sama sekali, malah tindakan menghabiskan harta wakaf atau meninggalkannya dalam keadaan terbiar akibat kecuaiian atau pencerobohan adalah dilarang dalam Islam.⁴⁴

Sehubungan dengan itu, proses pembangunan menurut definisi dan kerangka wakaf yang beroperasi menerusi aktiviti pengumpulan kekayaan melalui pelaburan yang produktif, dengan objektif memberikan keuntungan secara berterusan, menjangkau peredaran zaman menepati konsep pembangunan secara lestari. Abdul Haseeb, Parveen dan Umar (2012) berpendapat bahawa hakikatnya konsep pembangunan mampan terkandung dalam ajaran Islam kerana Allah SWT menyeru manusia agar memelihara alam sekitar tanpa melakukan kerosakan (*fasad*) di atas muka bumi ini.⁴⁵ Idea tentang pembangunan mampan adalah dengan berteraskan konsep khalifah, ukhuwah, amanah, *masalah mursalah* (kepentingan awam) dan *sadd al-zarai'* (menghalang kemungkar).⁴⁶ Interaksi yang dinamik antara proses pembinaan sosiekonomi dengan keutamaan pemeliharaan alam sekitar sebenarnya juga adalah bagi menyahut tuntutan *maqasid syariah*.⁴⁷

Mohammad Tahir (2008) berpandangan bahawa wakaf merupakan salah satu sektor yang berperanan untuk menjamin kemampanan dan kestabilan hidup manusia (*human sustainability*) bagi mencapai matlamat keadilan dan kesamarataan dalam sosioekonomi.⁴⁸ Oleh itu, hartanah wakaf wajar

43 Mohd. Daud Bakar, 1999. "Amalan Institusi Wakaf di Beberapa Negara Islam" dlm. Nik Mustapha Nik Hassan (ed.). *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), hlm. 161.

44 Monzer Kahf, 1998. "Financing the Development of Awqaf Property". Kertas kerja dalam Seminar on Development of Awqaf. Kuala Lumpur, hlm. 6-8.

45 Abdul Haseeb Ansari, Parveen Jamal dan Umar A. Oseni, "Sustainable Development: Islamic Dimension with Special Reference to Conservation of the Environment" dlm. *Advances in Natural and Applied Sciences* 6:5, hlm. 607, Mac 2012.

46 Abdul Haseeb Ansari, Parveen Jamal dan Umar A. Oseni, "Sustainable Development: Islamic Dimension with Special Reference to Conservation of the Environment" dlm. *Advances in Natural and Applied Sciences* 6:5, hlm. 607-19, Mac 2012.

47 Ainul Jaria Maidin dan Omar Oseni, "Islamic Principles on Sustainable Land Use Planning and Development" dlm. *Journal of Islamic Law Review* 7:1, hlm. 60-3, Jun 2011.

48 Mohammad Tahir Sabit Mohammad, 2008. "Sustaining the Means of Sustainability: The Need for Accepting Wakaf (Wakaf) Assets in Malaysian Property Market". Kertas kerja dalam The 14th Annual Conference of the Pacific Rim Real Estate Society. Kuala Lumpur, 20-23 Januari 2008, hlm. 1.

mendapat pengiktirafan setanding dengan aset-aset lain dalam pasaran hartanah serta tidak dianggap sebagai aset kelas kedua dari sudut perundangan dan kuasa pasaran bagi membolehkan harta tersebut menjana pendapatan secara berterusan dan berdikari (*self-reliant*).⁴⁹ Peranan wakaf juga tidak sekadar dilihat sebagai sebuah institusi filantropi yang mengharapkan sumbangan dan derma daripada orang ramai. Wakaf seharusnya mempunyai keupayaan menjana pendanaan sendiri (*self-sustained financing*) yang amat diperlukan bagi memastikan kelestarian institusi wakaf yang mampu berdiri tanpa bergantung pada mana-mana sumber dana yang lain.⁵⁰

Magda (2014) menggariskan empat objektif penubuhan wakaf, iaitu sebagai suatu wadah kepada pewakaf untuk mendapatkan ganjaran yang berterusan; memenuhi keperluan benefisari; menyediakan peluang pekerjaan kepada orang awam; dan memastikan harta wakaf kekal.⁵¹ Oleh itu, umat Islam harus bertindak secara kreatif dan inovatif bagi mentransformasikan peranan wakaf menerusi kaedah pembangunan dan pelaburan yang efisien bagi membolehkan aset wakaf menjana pendapatan sendiri secara berterusan. Walau bagaimanapun, realitinya di Malaysia, sehingga hari ini masih terdapat banyak harta wakaf yang belum dimajukan secara dinamik berikutan ketiadaan sumber dana yang mencukupi untuk membangunkan aset wakaf yang terbiar dan terpendam.

Walaupun manapun pandangan yang diutarakan oleh para cendekiawan Islam untuk menerangkan konsep pembangunan, pembangunan tidak dapat dilaksanakan jika tidak mempunyai sumber dana yang mencukupi. Di samping itu, bilangan dan kuantiti harta wakaf yang masih banyak dan belum dimajukan boleh menimbulkan tanda tanya sama ada harta tersebut sudah menepati konsep wakaf yang sebenar kerana dikhuatiri harta tersebut sekadar kekal dari sudut *ain* dan fizikalnya sahaja tetapi masih belum menjana hasil untuk dimanfaatkan oleh benefisiari wakaf. Situasi ini bukan sahaja menafikan hasrat pewakaf untuk mendapat ganjaran pahala yang berterusan, bahkan meletakkan harta wakaf dalam status beku sehingga boleh membawa kepada pembaziran dan kemudaratan dari sudut ekonomi yang merugikan umat Islam.

49 Mohammad Tahir Sabit Mohammad, 2008. "Sustaining the Means of Sustainability: The Need for Accepting Wakaf (Wakaf) Assets in Malaysian Property Market". Kertas kerja dalam The 14th Annual Conference of the Pacific Rim Real Estate Society. Kuala Lumpur, 20-23 Januari 2008, hlm. 1.

50 Rumusan dan Resolusi Seminar Waqaf Antarabangsa 2014. Hotel Istana Kuala Lumpur, 7-10 Disember 2014.

51 Magda Ismail, 2014. "What We Can Do with Waqf Properties". Kertas kerja Roundtable Discussion on Development Waqf Properties in Malaysia. Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 21 Januari 2014.

KEPENTINGAN PENDANAAN DAN PELABURAN BAGI INSTITUSI WAKAF

Wakaf secara amnya merupakan sebuah organisasi tidak bermotifkan keuntungan (*Non-Profit Organisation (NPO)*) yang berperanan menyalurkan kemudahan yang berkaitan dengan keagamaan dan kebajikan sosial kepada masyarakat. Organisasi yang tidak bermotifkan keuntungan seperti wakaf mempunyai matlamat penubuhan yang khusus dan mempunyai kaitan dengan kemaslahatan awam, misalnya dalam bidang keagamaan, sains dan teknologi, pendidikan, kebudayaan, kesihatan, pekerjaan, perhubungan awam, sukan, dan perlindungan alam sekitar.⁵² Bryce (2000) menggariskan empat konsep asas dalam menjayakan sesebuah organisasi tidak bermotifkan keuntungan, iaitu misi, wang, pemasaran dan pengurusan. Bryce berpendapat bahawa tanpa sumber kewangan, apa-apa juga misi dan matlamat *NPO* tidak akan dapat dicapai dan diketengahkan dalam ekonomi pasaran, walau sebaik mana atau sebanyak mana usaha kebajikan dilaksanakan oleh organisasi tersebut.⁵³

Kebanyakan *NPO* amat bergantung pada sumbangan daripada orang ramai sebagai sumber pendanaan bagi menghidupkan organisasi mereka untuk menyalurkan perkhidmatan sosial kepada masyarakat. Sumber kewangan utama organisasi ini umumnya, berupa geran daripada kerajaan dan sumbangan individu bagi menampung kos operasi.⁵⁴ Dalam konteks wakaf, di samping sumbangan sesuatu aset secara langsung, sumbangan orang ramai menerusi wakaf tunai dan saham wakaf merupakan antara mekanisme yang dikenal pasti berupaya untuk membiayai pembangunan wakaf. Walau bagaimanapun, jumlah hasil kutipan wakaf tunai dan saham wakaf di kebanyakan negeri di Malaysia masih belum mencukupi untuk membangunkan projek wakaf berskala besar. Oleh sebab itu, kebanyakan MAIN masih mengharapkan bantuan dana daripada kerajaan Persekutuan untuk membangunkan harta wakaf.

52 Nor Sharina Mohd. Rafien *et al.*, t.th. "Not-For-Profit Religious Organization in Malaysia: A Case on Zakat Institution" dlm. Noraini Mohamad *et al.* (ed.). *Islamic Philanthropy for Ummah Excellence*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Zakat Malaysia, Universiti Teknologi MARA, hlm. 239.

53 Empat konsep asas tersebut dirumuskan sebagai 4Ms, iaitu *mission* (misi), *money* (wang), *marketing* (pemasaran) dan *management* (pengurusan). Bagi persatuan atau koperasi, elemen kelima yang penting ialah *membership* (keahlian). Lihat Bryce, Herrington J, 2000. *Financial and Strategic Management for Nonprofit Organizations, A Comprehensive Reference to Legal, Financial, Management and Operations Rules and Guidelines for Nonprofits*. Edisi Ketiga. San Francisco: Jossey-Bass, hlm. 3-4.

54 Brown, L. D. dan Mark, H. M., 2001. *Accountability, Strategy and International Non-Governmental Organizations. The Hauser Center for Nonprofit Organizations*. The Kennedy School, Harvard University, hlm. 13.

Pada dasarnya, peranan *NPO* seperti institusi wakaf yang bermatlamatkan kebajikan sosial perlu menghasilkan output. Perkara yang sering dipersoalkan sebagai sebuah institusi yang bersifat komersial ialah bagaimanakah kedua-dua elemen sosial dan keuntungan (komersial) ini dapat diharmonikan? Bagi menjawab keraguan dan persoalan ini, Cizakca (2011) berpendapat bahawa sejarah membuktikan wakaf telah pun berperanan sebagai sebuah institusi pengumpulan dan pengagihan kekayaan umat Islam semenjak beratus tahun yang lampau.⁵⁵ Sehubungan dengan itu, umat Islam sewajarnya menyahut cabaran tersebut bagi menyemarakkan peranan wakaf agar dapat berdiri sama tinggi dengan sektor komersial serta setanding dengan institusi korporat yang mempunyai jangka hayat yang panjang.⁵⁶ Hasilnya, institusi wakaf akan berupaya meluaskan lagi aspek penyampaian perkhidmatan kebajikan secara lebih efektif kepada umat Islam.

Sejajar dengan perkembangan sistem kewangan Islam yang semakin pesat, peluang ini sewajarnya dimanfaatkan oleh institusi wakaf untuk mengaplikasikan strategi pembangunan dan pelaburan secara kreatif dan inovatif seiring dengan keperluan dan tuntutan semasa. Realitinya, Malaysia boleh dianggap sebagai sebuah negara yang pemurah kerana pihak kerajaan begitu komited memperuntukkan sebahagian daripada perbelanjaan negara bagi tujuan pembangunan institusi berkaitan keagamaan seperti wakaf.

Keadaan ini jauh berbeza daripada kebanyakan negara yang mempunyai penduduk Islam minoriti. Di negara Singapura contohnya, Majlis Agama Islam Singapura (MUIS) selaku *mutawalli* perlu melaksanakan pelbagai pendekatan untuk membangunkan aset hartanah wakaf agar setanding dengan arus pembangunan ekonomi di Singapura.⁵⁷ Senario ini secara tidak langsung mendorong MUIS mengaplikasikan pelbagai mekanisme pembangunan yang menggabungkan kaedah klasik seperti *istibdal* dan *hukr* (sewa jangka panjang) dengan instrumen kewangan kontemporari seperti *sukuk musharakah* bagi memajukan hartanah wakaf. Menerusi mekanisme pembangunan dan pelaburan hartanah yang bersepadu, MUIS berjaya melakukan inisiatif menaik taraf dan menyerlahkan nilai (*unlock the value*) sebenar aset wakaf di Singapura yang dahulunya terdiri daripada aset yang kurang berkualiti. Aset hartanah wakaf di Singapura kini terdiri

55 Cizakca, Murat, 2011. "The Waqf, its Contribution and Basic Operational Structure". Kertas kerja Waqf Redefining Prosperity and Growth. International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF), Kuala Lumpur, 15 Disember 2011.

56 Monzer Kahf, 1998, "Financing the Development of Awqaf Property". Kertas kerja Seminar on Development of Awqaf. Kuala Lumpur, hlm. 4.

57 Dr. Shamsiah Abdul Karim, Penolong Pengarah, Bahagian Wakaf, Majlis Agama Islam Singapura. Temu bual pada 30 April 2012.

daripada rangkaian aset berkualiti dan berpendapatan tinggi, di samping memberikan pulangan pelaburan dalam bentuk penjana pendapatan yang lebih lumayan dan konsisten kepada benefisiari wakaf.⁵⁸

Mekanisme pembangunan wakaf terbahagi kepada kaedah tradisional dan moden. Kaedah tradisional merangkumi kaedah seperti *istibdal* dan *ijarah*, manakala kaedah kontemporari melibatkan aplikasi instrumen kewangan seperti penerbitan sukuk, akad *Built Operate and Transfer (BOT)*, *Joint-Venture (JV)* serta gabungan kaedah tradisional dan kontemporari. Hasilnya, beberapa bangunan pencakar langit seperti Zam Zam Tower di kota suci Makkah dan Menara Imarah Wakaf di Kuala Lumpur menjadi ikon wakaf yang bercirikan filantropi dan komersial sebagai mercu tanda kedinamikan peradaban Islam yang berkekalan sepanjang zaman.

Pada masa yang sama, perhatian juga harus diberikan kepada mekanisme pembangunan dan pelaburan jangka panjang yang lain bagi mengoptimalkan pengemblengan aset wakaf secara sendiri (*self-sustained*) tanpa mengharapkan bantuan dana yang lain menerusi kaedah pelaburan yang strategik. Pendekatan ini bagi menjamin pengekalan modal wakaf (*principal amount*), di samping menjana pulangan dividen yang stabil dan berterusan kepada benefisiari wakaf. Transformasi menyeluruh ini perlu dilakukan dalam pengurusan dan pentadbiran wakaf bagi menangani setiap isu dan cabaran yang dihadapi serta menjadikan wakaf sebagai model pembangunan ekonomi untuk melestarikan pembangunan sosioekonomi ummah.

SENARIO PELABURAN WAKAF DAN ENDOWMEN

Sebahagian besar aset wakaf di Malaysia terdiri daripada aset hartanah, manakala hanya sebahagian kecil berupa wang tunai. Di negeri Selangor misalnya, bagi tahun 2014, 97 peratus daripada aset wakafnya terdiri daripada aset hartanah yang dianggarkan bernilai RM134 juta, manakala 3 peratus dalam bentuk wang tunai yang berjumlah RM5 juta.⁵⁹ Manakala, di Singapura, 95 peratus daripada keseluruhan aset di negara tersebut adalah dalam bentuk hartanah, manakala selebihnya adalah dalam bentuk wakaf tunai yang dilaburkan dalam pelbagai instrumen kewangan seperti deposit

58 Shamsiah Abdul Karim. "Contemporary Shari'a Compliance Structuring for the Development and Management of Waqf Assets" dlm. *Singapore Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies* 3:2, March 2010, hlm. 143-64.

59 Abu Bakar Yang, 2014. "Pembangunan Wakaf (Perbadanan Wakaf Negeri Selangor)". Kertas kerja dalam Seminar Waqaf Antarabangsa 2014. Hotel Istana Kuala Lumpur, 7-10 Disember 2014.

jangka pendek dan bon.⁶⁰ Setakat bulan Disember 2014, nilai aset hartanah wakaf di Malaysia dianggarkan bernilai RM1 bilion dengan jumlah keluasan tanah wakaf berjumlah 11 000 hektar.⁶¹ Walau bagaimanapun, tiada data komprehensif yang diperoleh bagi menyokong nilai atau anggaran kasar jumlah wakaf tunai di negara ini berikutan pengurusan dan pentadbiran wakaf terletak di 13 negeri yang berbeza.

Tinjauan mendapati bahawa kebanyakan MAIN kurang terdedah kepada aspek pengurusan pelaburan dana wakaf secara efisien apabila dana yang terkumpul menerusi wakaf tunai atau saham wakaf rata-ratanya hanya disimpan dalam akaun simpanan atau simpanan tetap Islam bertempoh dengan pulangan sekitar 3 peratus.⁶² Hal ini berlaku kerana pihak MAIN khuatir kemungkinan wang tersebut mengalami kerugian sekiranya dilaburkan dalam segmen ekuiti yang lebih berisiko. Sementara itu, hasil dapatan kajian oleh Cizakca (2000) membuktikan bahawa lebih daripada 20 peratus wakaf tunai yang wujud semasa era Empayar Turki Uthmaniyyah terus kekal selama lebih 100 tahun.⁶³ Senario ini jelas membuktikan bahawa aset wakaf dalam bentuk harta alih serta harta tidak ketara (*intangible asset*) berupaya dipertahankan dari sudut kecekalannya, meskipun tidak mempunyai jasad sekiranya diuruskan dengan cekap.

Pendekatan ini berbeza daripada inisiatif yang diambil oleh beberapa institusi wakaf di negara seperti Kuwait⁶⁴ dan Singapura,⁶⁵ termasuk beberapa endowmen⁶⁶ pendidikan di luar negara seperti Harvard Endowment⁶⁷ dan Yale

60 Shamsiah Abdul Karim, 2010. “*Contemporary Shari’ah Structuring for the Development and Management of Waqf Assets in Singapore*”. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Durham University, hlm. 40.

61 Anan C. Mohd., 2014. “Senario Pembangunan Waqf di Malaysia: Waqaf Melestarikan Pembangunan Ummah”. Kertas kerja dalam Antarabangsa 2014, 7-10 Disember 2014, hlm. 13.

62 Berdasarkan hasil temu bual dengan Pegawai Pembangunan Wakaf di tiga buah Majlis Agama Islam Negeri, iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor dan Pulau Pinang serta Perbadanan Wakaf Selangor.

63 Cizakca, Murat, 2000. *A History of Philanthropic Foundations, The Islamic World from the Seventh Century to the Present*. Istanbul: Bogazici University Press, hlm. 52.

64 Al-Busharah, Khaled M., 2012. “Kuwait Awqaf Public Foundation (KAPF) Developmental Social Experience and Prospects”. Kertas kerja The Arab Forum Towards a New Welfare Mix: Rethinking the Role of the State, Market and Civil Society in the Provision of Basic Social Services. Beirut, 19-20 Disember 2012.

65 Shamsiah Abdul Karim, 2012. “Contemporary Investment and Development of Waqf Assets in Singapore”. Kertas kerja dalam International Islamic Capital Market Forum. Sasana Kijang, Kuala Lumpur, 20 September 2012.

66 Endowmen ialah pemberian yang berkekalan dalam bentuk wang atau harta lain yang didedikasikan untuk tujuan tertentu. Kebanyakan endowmen ditubuhkan bertujuan untuk mengekalkan jumlah modal asal dan pada masa yang sama menggunakan hasil pelaburan dalam bentuk dividen untuk tujuan kebajikan. Lihat investopedia <http://www.investopedia.com/terms/e/endowment.asp>, 6 September 2014.

67 Harvard Management Company Endowment Report 2013.

Endowment⁶⁸ yang melaksanakan strategi pelaburan bersifat dinamik bagi menjana pendapatan yang konsisten kepada institusi terbabit. Di Amerika Syarikat misalnya, yayasan atau institusi endowmen di negara berkenaan meletakkan target keuntungan pelaburan sebanyak 9 peratus setahun bagi memenuhi keperluan. Keuntungan tersebut diagihkan untuk tujuan kebajikan dan menanggung kos pengurusan.⁶⁹ Rata-ratanya kebanyakan institusi endowmen terkemuka mencatatkan keuntungan dalam segmen pelaburan yang agak tinggi setiap tahun hasil daripada kecekapan dalam pengurusan portfolio pelaburan. Sebagai contoh, Harvard Endowment mencatatkan pulangan pelaburan sebanyak 15.4 peratus bagi tahun fiskal setakat 30 Jun 2014 dengan nilai keseluruhan endowmen sebanyak USD36.4 bilion,⁷⁰ manakala Yale Endowment mencatatkan pulangan pelaburan tertinggi dalam tempoh 10 tahun, iaitu sebanyak 20.2 peratus dengan saiz endowmen bernilai USD23.9 bilion.⁷¹ Data ini membuktikan bahawa strategi pelaburan yang efisien dan progresif memainkan peranan penting bagi menjana pendapatan yang stabil kepada institusi endowmen ke arah meningkatkan agihan kepada benefisiari.

Jadual 1 menunjukkan perbandingan portfolio pelaburan bagi empat institusi wakaf dan endowmen. Berdasarkan perbandingan, 79 peratus aset wakaf di Singapura dilaburkan dalam segmen hartanah, 5 peratus dalam ekuiti atau *sukuk*, dan selebihnya 16 peratus merupakan pelaburan dalam perniagaan.⁷² Sementara, bagi Kuwait Awqaf Public Foundation (KAPF) pula, 53 peratus meliputi pelaburan dalam sektor hartanah, 41 peratus dalam sektor kewangan, dan 6 peratus dalam sektor perkhidmatan.⁷³ Di samping itu, KAPF juga mempraktikkan strategi pelaburan merentasi sempadan geografi apabila 13 peratus daripada aset wakaf yayasan berkenaan berada di Eropah, Amerika, negara-negara Teluk dan beberapa negara lain.⁷⁴

68 Yale Endowment 2013.

69 t.n., 2011. *Unleashing the Potential of the Waqf As an Economic Institution in Malaysia: Policy, Legal and Economic Reforms*, hlm. 265.

70 Harvard Management Company, 2014. "Message from CEO" dlm. *Annual Endowment Report*, September 2014, hlm. 1. Harvard: Harvard University.

71 Yale University Investment Office, 2014. <http://investments.yale.edu/>. (Diakses pada 11 Disember 2014).

72 Shamsiah Abdul Karim, 2012. Kertas kerja dalam "Contemporary Investment and Development of Waqf Assets in Singapore" dlm. *International Islamic Capital Market Forum*. Sasana Kijang, Kuala Lumpur, 20 September 2012.

73 Al-Busharah, 2012, "Kuwait Awqaf Public Foundation (KAPF) Developmental Social Experience and Prospects". Kertas kerja The Arab Forum Towards a New Welfare Mix: Rethinking the Role of the State, Market and Civil Society in the Provision of Basic Social Services, hlm. 7.

74 Al-Busharah, 2012, "Kuwait Awqaf Public Foundation (KAPF) Developmental Social Experience and Prospects". Kertas kerja The Arab Forum Towards a New Welfare Mix: Rethinking the Role of the State, Market and Civil Society in the Provision of Basic Social Services, hlm. 7.

Jadual 1 Perbandingan portfolio pelaburan.

Perbandingan Portfolio Pelaburan/ Institusi	Aset Sebenar (Hartanah/ Komoditi) %	Ekuiti (Tempatan/ Luar Swasta) %	Pendapatan Tetap (Bon/ Sukuk) %	Pulangan Pasti (Absolute Return) %	Tunai %	Bisnes/ Servis/ Lain-lain
MUIS	79	5		-	16	
KAPF	53	41		-	-	6
Harvard Endowment	25	49	9	15	0/2	-
Yale Endowment	27	48	5	18	2/0	-

Sumber: MUIS, KAPF, Harvard Endowment dan Yale Endowment.

Perbandingan data portfolio pelaburan antara Yale Endowment dengan Harvard Endowment berasaskan kelas aset (*asset classes*) menunjukkan bahawa sebahagian besar pelaburan kedua-dua endowmen ini adalah dalam ekuiti, iaitu 49 peratus bagi Harvard Endowment dan 48 peratus bagi Yale Endowment. Selebihnya pula dilaburkan dalam pelbagai aset kelas lain seperti pulangan pasti (*absolute return*),⁷⁵ simpanan tetap, aset sebenar (*real asset*) merangkumi komoditi, sumber semula jadi⁷⁶ dan hartanah, serta wang tunai.

Pada dasarnya, kebanyakan endowmen mengambil pendekatan membuat pelaburan dalam aset kelas yang lebih sofistikated dan berorientasikan ekuiti bagi meningkatkan hasil pelaburan mereka. Polisi pelaburan ini dipraktikkan oleh Yale Endowment apabila 95 peratus pelaburannya tertumpu pada aset yang dijangka memberikan pulangan seperti ekuiti yang memberikan pulangan yang stabil kepada endowmen berkenaan.⁷⁷

Jelas sekali bahawa kaedah institusi endowmen yang pada asalnya terdiri daripada harta kekal seperti hartanah sebagai aset utama, kini beralih dengan memberikan tumpuan pada penguasaan aset dalam bentuk ekuiti bagi menjana pulangan yang lebih kompetitif.⁷⁸

75 "Absolute Return Investment Techniques Include using Short Selling, Futures, Options, Derivatives, Arbitrage, Leverage and Unconventional Assets", lihat <http://www.investopedia.com/terms/a/absolutereturn.asp>. Diakses pada 13 Disember 2012.

76 "Including Oil and Gas Investing, Precious Metals Investing, Minerals and (Base) Metals Investing and so on", lihat <http://www.investopedia.com/articles/basics/12/natural-resource-investing.asp>. Diakses pada 13 Disember 2012.

77 Yale Endowment 2013.

78 Pada tahun 2013, jumlah aset hartanah dalam segmen pelaburan Harvard Endowment dan Yale Endowment masing-masing adalah sebanyak 10% dan 20%. Lihat Harvard Endowment 2013, hlm.12 dan Yale Endowment 2013, hlm. 2.

Di samping itu, peralihan pendekatan pelaburan oleh kebanyakan endowmen luar negara dalam aset kelas “*nontraditional*” seperti ekuiti swasta (*private equity*) juga merupakan suatu kaedah pelaburan yang popular. Pelaburan dalam segmen ekuiti swasta merujuk pelaburan dalam syarikat persendirian yang tidak disenaraikan di bursa saham yang lazimnya mempunyai saiz yang lebih kecil serta kurang birokrasi dari segi pengurusan berbanding dengan syarikat yang tersenarai di bursa saham, seperti Toys “R” Us, Burger King, Elizabeth Arden dan The Gap.⁷⁹ Bagi Yale Endowment, 32 peratus daripada aset kelasnya terdiri daripada pelaburan dalam ekuiti swasta dan selama 20 tahun penubuhannya semenjak tahun 1973 hingga 2013, segmen berkenaan menyumbang pendapatan tahunan pada kadar purata 29.9 peratus.⁸⁰ Selain pelaburan ekuiti swasta, kebanyakan endowmen, yayasan dan pelabur institusi di Amerika Syarikat juga beralih kepada kelas aset “alternatif” seperti aset sebenar (*real assets*) meliputi komoditi, logam, hartanah dan petroleum, dan dana lindung nilai (*hedge funds*) sebagai segmen pelaburan utama.⁸¹

Pelaburan dalam ekuiti swasta berbeza daripada pelaburan menerusi konsep modal teroka (*venture capital*). Pelaburan ekuiti swasta memberikan fokus terhadap syarikat yang sudah pun mempunyai bukti menjana keuntungan menerusi pengeluaran produk dan perkhidmatan dengan kedudukan yang kukuh dalam pasaran. Oleh itu, pelaburan yang dibuat adalah bagi meningkatkan dan memberikan nilai tambah bagi mengukuhkan prestasi sedia ada. Berbanding dengan konsep modal teroka yang lazimnya melibatkan pelaburan dalam syarikat yang mempunyai sejarah pengurusan yang terbatas dan belum terbukti kedudukan prestasinya dalam pasaran, tetapi mempamerkan konsep perniagaan yang menarik.⁸²

Menurut Jim Garland, dalam konteks pelaburan yang melibatkan pengekal modal seperti aset wakaf, perkara yang lebih penting ialah pendapatan dan bukannya kenaikan modal bagi memenuhi keperluan benefisiari.⁸³ Amat rugi sekali sekiranya dana wakaf yang terkumpul tidak dilaburkan secara cekap kerana wakaf wang tunai yang disimpan dalam akaun simpanan semata-mata terdedah kepada risiko inflasi yang akan memberikan


79 Wildermuth, Daniel, 2012, hlm. 150.

80 Yale Endowment 2013, hlm. 12.

81 Yale Endowment 2013, hlm. 10.

82 Wildermuth, 2012. *How the Smart Money Invests. Wise Money. Using Endowment Investment Approach to Minimize Volatility and Increase Output*. New York: Mc Graw Hill, hlm. 151-52.

83 Diadaptasi daripada Elroy Dimson, “Endowments, Volatility and Time”. Kertas kerja dlm. Nuffield Foundation Investment Seminar, 5 Mac 2007, hlm. 7.



Rajah 1 Struktur Dana Wakaf Maybank Islamic Berhad.

(Sumber: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.)

kesan terhadap nilai yang disimpan untuk jangka masa panjang.⁸⁴ Strategi utama pelaburan sebenarnya bukanlah sekadar mengekalkan jumlah modal yang asal, sebaliknya perlu mengambil kira kuasa beli wang tunai pada masa hadapan.⁸⁵ Aspek pengurusan risiko juga perlu diberikan perhatian bagi memastikan modal wakaf terus kekal dan hanya keuntungan yang diperoleh daripada pelaburan harta wakaf akan diagihkan kepada benefisiari. Suatu perkara yang perlu diperhalusi dan diberikan perhatian adalah dari sudut pengendalian modal wakaf secara keseluruhan apabila sesuatu pelaburan dibuat dengan harta dalam kelas sebegini. Oleh itu, pengurusan portfolio (*portfolio rebalancing*) serta pengurusan aktif (*active management*) amat penting demi memastikan kelestarian modal wakaf secara keseluruhannya.

Umat Islam di Malaysia juga kurang membudayakan amalan berwakaf dalam kehidupan.⁸⁶ Hal ini mungkin disebabkan oleh stigma bahawa golongan

84 Wildermuth, Daniel, 2012, hlm. 57.

85 Wildermuth, Daniel, 2012, hlm. 57.

86 Syed Othman al-Habsyi, "Islam dan Pembangunan Ummah" dlm. *Jurnal Dakwah*, 1987.

berada dan berkemampuan yang memiliki aset hartanah yang banyak sahaja yang mampu berwakaf. Di samping itu, mereka juga kurang yakin terhadap aspek pengurusan wakaf kerana bimbang berlakunya ketirisan dan harta yang diwakafkan tidak menampakkan hasil.⁸⁷ Amalan berwakaf di negara ini bukan sahaja kurang diberikan perhatian oleh masyarakat awam, malah kurang mendapat sokongan dan penyertaan daripada institusi korporat.

Inisiatif berimpak tinggi oleh Maybank Islamic Berhad (MIB) yang bakal mewakafkan wang tunai berjumlah RM20 bilion memperluas landskap sektor korporat dalam arena wakaf. Dalam usaha memastikan kemampunan dana wakaf tersebut, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) selaku pemegang amanah tunggal harta wakaf akan melantik MIB sebagai Pengurus Projek⁸⁸ (lihat Rajah 1). Manakala, MIB akan melantik Pengurus Dana untuk menguruskan pelaburan Dana Wakaf dalam usaha memastikan pertumbuhan dan kekekalan dana berkenaan melalui pelaburan dalam portfolio meliputi simpanan tetap, ekuiti, dana seimbang (*balanced fund*) dan hartanah.⁸⁹ Hasil keuntungan yang bakal diperolehi akan diagihkan kepada benefisiari wakaf meliputi usaha pembangunan dan pembiayaan pendidikan, kesihatan, infrastruktur dan pendanaan mikro kepada usahawan muda. Sebagai langkah permulaan, MIB akan bertindak sebagai pewakaf pertama bagi Dana Wakaf. Untuk fasa seterusnya, MIB bercadang untuk membuka penyertaan kepada orang awam dan syarikat swasta yang berminat menyertai skim Dana Wakaf bagi meningkatkan saiz dana pada masa hadapan.

Pendekatan yang diambil oleh MIB bertepatan dengan konsep wakaf yang sebenar. Modal wakaf tunai dikekalkan menerusi pelaburan, manakala hanya hasilnya sahaja diagihkan kepada benefisiari. Pendekatan ini diharap akan dapat memberikan inspirasi kepada syarikat komersial lain di Malaysia untuk mengambil pendekatan yang sama dalam melaksanakan wakaf korporat dan melantik pengurus pelaburan dana wakaf yang cekap bagi merencanakan lagi perkembangan wakaf di negara ini.

Usaha untuk memaksimumkan pendapatan wakaf dan menjana pulangan yang kekal daripada modal asal wakaf sewajarnya diberikan keutamaan oleh semua pengurus wakaf. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh ciri

87 Noraini Md. Top, 1991. "*Mobilisation of Waqf Resources in Malaysia: Problems and Prospects*". Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, hlm. 2.

88 Zainal Abidin Jaafar, 2014. "Pengurusan dan Pelaksanaan Wakaf: Pengalaman Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)". Kertas kerja Seminar Waqaf Antarabangsa 2014, Hotel Istana, Kuala Lumpur, 7-10 Disember 2014.

89 "Maybank Islamic announces RM20M Waqf Fund", 28 Oktober 2014. <http://www.nst.com.my/node/47113?d=1> (Diakses pada 14 Disember 2014).

eksklusif wakaf yang begitu rigid yang lebih mengutamakan harta wakaf dalam bentuk aset ketara (*tangible asset*), elemen kekekalan serta karakter tidak boleh berpindah milik. Hal ini mengakibatkan banyak pentadbir wakaf yang masih terikat dengan pentafsiran wakaf dalam konteks yang sempit tidak bertindak proaktif dan inovatif dalam menguruskan pelaburan harta wakaf. Situasi ini menjadi punca utama aset wakaf tidak berupaya menjana pulangan yang tinggi serta banyak aset wakaf yang tercicir daripada arus pembangunan perdana.⁹⁰ Sehubungan dengan itu, aspek pengurusan pelaburan harta wakaf sewajarnya dinilai semula dan diberikan perhatian yang serius oleh pentadbir wakaf di Malaysia bagi memastikan asetnya terdiri daripada pelbagai kelas aset yang moden dan terus berkembang. Senario ini jelas menggambarkan perlunya suatu manual atau garis panduan yang jelas berkaitan dengan pelaburan sebagai rujukan kepada pentadbir wakaf di Malaysia dalam menguruskan pelaburan dana wakaf secara efisien.

STRATEGI PELABURAN HARTA WAKAF SECARA LESTARI MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Wakaf secara amnya bermaksud menahan harta yang dapat dimanfaatkan dengan mengekalkan keadaannya, menghindarkan pembaziran dan memperluas manfaatnya kepada sesuatu yang harus untuk tujuan kebajikan demi mendekati diri kepada Allah. Wakaf merupakan suatu elemen eksklusif dan istimewa yang menjadikan wakaf sebagai suatu bentuk harta yang bersifat lestari untuk dimanfaatkan insan sepanjang zaman. Sehubungan dengan itu, harta wakaf wajar dikembangkan menerusi mekanisme pelaburan secara berdaya maju lagi proaktif bagi memastikan objektif pelaksanaan sesuatu wakaf dapat direalisasikan tanpa mengakibatkan pembaziran terhadap aset wakaf.

Hukum berkaitan dengan wakaf, termasuk dalam perkara *ijtihad* yang terbuka kepada pandangan yang lebih segar dan baharu selaras dengan keperluan dan tuntunan semasa ke arah memakmurkan institusi wakaf. Amalan pelaburan harta wakaf, khususnya wakaf tunai diharuskan berdasarkan pandangan Imam Zufar dalam mazhab Hanafi yang membenarkan aplikasi wakaf tunai dilaburkan dalam perniagaan *mudarabah* dan hasilnya diagihkan untuk tujuan kebajikan. Imam Malik dalam kitab *al-Mudawwanah* memberikan pandangan yang mengharuskan wakaf wang tunai menerusi mekanisme pembiayaan secara *qard hasan* (pinjaman tanpa faedah) dengan memberikan pinjaman 100 dinar kepada orang yang ingin

90 Cizacka, 2000. *A History of Philanthropic Foundations, The Islamic World from the Seventh Century to the Present*. Istanbul: Bogazici University Press, hlm. 52.

menjalankan perniagaan untuk tempoh masa tertentu, dan sekiranya berlaku kerugian, peminjam dikehendaki menanggung kerugian tersebut.⁹¹ Wakaf tunai berasaskan pemberian pinjaman tanpa faedah (*salaf*) kepada golongan yang memerlukan turut diterima oleh ulama dalam mazhab Maliki.⁹² Hal ini jelas membuktikan bahawa aset wakaf sama ada dalam bentuk hartanah atau wang tunai bukanlah terdiri daripada harta yang terpendam, bahkan wajar dilaburkan dan hasilnya disalurkan untuk kebajikan.

Terdapat tiga kriteria penting yang perlu diberikan perhatian dalam menguruskan pelaburan wakaf, iaitu pertama, modal wakaf tidak berkurangan kerana perlindungan terhadap modal hendaklah dijadikan keutamaan; kedua, pelaburan yang dilaksanakan hendaklah berupaya menjana pendapatan yang konsisten dan stabil untuk diagihkan kepada benefisiari wakaf, di samping membolehkan pewakaf mendapat ganjaran pahala seperti yang diharapkan daripada Allah SWT secara berterusan,⁹³ dan ketiga, pelaburan yang dibuat hendaklah mematuhi syariah.⁹⁴

Kriteria strategi pelaburan wakaf oleh KAPF mengambil kira aspek pematuhan prinsip syariah, kajian terhadap prestasi ekonomi, diversifikasi pelaburan berasaskan kedudukan geografi, diversifikasi instrumen pelaburan, dan sektor pelaburan (kewangan, hartanah dan perkhidmatan).⁹⁵ Mempelbagaikan pilihan pelaburan merupakan antara pendekatan yang penting bagi menjangkakan risiko, bertepatan dengan pepatah yang sinonim dalam dunia pelaburan, iaitu “*Don’t put your eggs in one basket*”.⁹⁶ Mempelbagaikan pelaburan bertujuan untuk memastikan bahawa pelabur masih lagi berpeluang untuk mendapatkan pulangan melalui satu segmen pelaburan sekiranya terdapat pulangan pelaburan lain yang kurang memuaskan atau mengalami kerugian.⁹⁷ Dengan cara ini risiko pelaburan dapat dikurangkan dan berupaya memaksimumkan keuntungan.

91 Al-Imam Malik bin Anas, t.th. *Al-Mudawwanah al-Kubra*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah. Jilid 4, hlm. 452.

92 Al-Abiy al-Azhari, Salih ‘Abd Al-Sami’, 1970. *Jawahir al-Iklil fi Mazhab al-Imam Malik*. Jilid 2. Kaherah: ‘Isa al-Babi al-Halabi, hlm. 205.

93 Abbas, Abdelraman B. M., 1990. “*The Economics of Benevolence: An Islamic Paradigm*”. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, University of Wales, hlm. 123-28.

94 Asyraf Wajdi Dusuki (ed.), 2011. *Islamic Financial System: Principles and Operations*. Kuala Lumpur: International Shari’ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA), hlm. 452-53.

95 Al-Busharah, 2012. “Kuwait Awqaf Public Foundation (KAPF) Developmental Social Experience and Prospects”. Kertas kerja The Arab Forum Towards a New Welfare Mix: Rethinking the Role of the State, Market and Civil Society in the Provision of Basic Social Services, hlm. 6.

96 Yang bermaksud “jangan meletakkan telur-telur di dalam satu raga bagi mengelakkan kehilangan kesemua telur tersebut sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diingini” merujuk aspek keperluan mempelbagaikan segmen pelaburan bagi mengurangkan risiko kerugian dengan hanya bergantung pada satu bentuk pelaburan.

97 Securities Industry Development Corporation (SIDC), 2009. *Soal Jawab Pelabur, Langkah Permulaan Pelaburan*. Kuala Lumpur: SIDC, hlm. 10.

Sementara itu, Majma' Fiqh (2004) dalam keputusan berkaitan dengan pelaburan wakaf pada tahun 2004 menggariskan beberapa kriteria penting bagi mengembangkan aset wakaf secara produktif seperti yang berikut:

1. Pelaburan hendaklah dilaksanakan dalam segmen pelaburan yang mematuhi prinsip syariah.
2. Mengekalkan modal wakaf dan pada masa yang sama menjana manfaat yang berterusan.
3. Mempelbagaikan portfolio pelaburan bagi mengurangkan risiko kerugian dan mengambil pelbagai pendekatan jaminan modal wakaf bagi mengelakkan modal wakaf merosot atau hilang.
4. Melaksanakan kajian yang komprehensif sebelum melabur bagi memastikan projek yang bakal dibiayai mempunyai potensi yang kukuh dari segi keberhasilan dan impak dari sudut ekonomi.
5. Memilih kaedah pelaburan yang selamat dan mengelakkan pelaburan yang berisiko tinggi.
6. Kaedah pelaburan hendaklah bersesuaian dengan sifat aset wakaf bagi memelihara modal aset wakaf dan menjamin kemaslahatan benefisiari, yakni sekiranya harta merupakan harta alih hendaklah dipastikan pemilikannya tidak hilang dan sekiranya dalam bentuk wang hendaklah dilaburkan menerusi akad seperti *mudarabah*, *musharakah*, *istisna* dan akad-akad lain.
7. Pengurus pelaburan hendaklah bersikap telus dalam pelaburan dari segi pelaporan operasi, pendapatan dan agihan manfaat wakaf.⁹⁸

Berdasarkan huraian kriteria pelaburan yang dibincangkan, pada dasarnya strategi pelaburan harta wakaf secara lestari perlu dilaksanakan secara berhati-hati dan berhemah dengan mengambil kira beberapa faktor penting yang dapat dirumuskan seperti yang berikut:

1. Memastikan objektif wakaf tercapai selaras dengan niat pewakaf⁹⁹ dan benefisiari mendapat manfaat hasil daripada pembangunan wakaf.

⁹⁸ *Majma Fiqh al-Duwali*, 11 Mac 2004, Keputusan No. 140 (6/15), Oman.

⁹⁹ Zaini Osman, 2014. "Financing Models for Enhancing Waqf Asset in Singapore". Kertas kerja dalam Seminar Waqaf Antarabangsa 2014, Hotel Istana Kuala Lumpur, 7-10 Disember 2014.

2. Mengekalkan modal wakaf dan pada masa yang sama menjana pendapatan yang lumayan dan konsisten.
3. Memastikan aset wakaf dilaburkan menerusi kaedah dan instrumen yang patuh syariah.
4. Melindungi status wakaf bagi menjamin pemilikan aset wakaf terus kekal berada di pihak *mutawalli* (pemegang amanah).
5. Melantik pengurus pelaburan yang cekap dengan kos pengurusan yang minimum bagi meningkatkan pulangan untuk diagihkan kepada benefisiari.
6. Pengurusan risiko yang cekap dengan menekankan aspek jaminan modal bagi menjamin kemampunan dan pengekalan modal wakaf.
7. Pelaksanaan kajian yang komprehensif bagi menentukan tahap risiko yang boleh ditanggung berasaskan prinsip “*al-ghunmu bi al-ghurmi*,”¹⁰⁰ iaitu keuntungan adalah melalui penanggungan risiko.
8. Melakukan kepelbagaian (*diversification*) dari segi instrumen dan sektor pelaburan bagi menangani risiko dan menjamin pulangan yang stabil.
9. Melaksanakan kepelbagaian berasaskan kedudukan geografi dan peka terhadap peraturan yang berkaitan dengan wakaf dan endowmen di negara-negara luar bagi memelihara pengekalan aset wakaf.
10. Pengurus pelaburan dan *mutawalli* hendaklah bersikap telus dalam pelaburan dari segi pelaporan operasi, pendapatan dan agihan manfaat wakaf bagi memberikan lebih keyakinan kepada orang awam untuk berwakaf.

Sebagai salah satu pendekatan awal bagi institusi wakaf di Malaysia yang berkemungkinan kurang berpengalaman dalam aspek pengurusan pelaburan, model pelaburan yang dilaksanakan oleh beberapa endowmen terkemuka seperti Yale Endowment dan Harvard Endowment mungkin boleh diaplikasikan, terutama sekali dari segi strategi pengelasan aset (*asset allocation*) dalam pelaburan, misalnya dengan memberikan tumpuan terhadap pelaburan dalam ekuiti swasta (*private equity*). Dalam hal ini, entiti wakaf menerusi kajian yang komprehensif dapat mengenal pasti syarikat persendirian di Malaysia yang mempamerkan prestasi yang cemerlang, di

100 Al-Nadwi Ahmad. A., 2000. “Al-Qawa’id Al-Fiqhiyyah”, Artikel 87 dlm. *Majallah al-Ahkamal-’Adliyyah*. Syria: Dar Al-Qalam, hlm. 411.

samping terbukti memberikan pulangan yang kompetitif dan konsisten kepada para pelabur sebagai syarikat yang berpotensi untuk membuat pelaburan.

Selain itu, penekanan juga harus diberikan agar pengelasan aset pelaburan harta wakaf dibuat dalam sektor yang patuh syariah sahaja sebagaimana yang ditawarkan dalam sektor pasaran modal Islam di Malaysia. Industri pasaran modal Islam di Malaysia diperakui mempunyai landskap kewangan dan perundangan yang komprehensif yang dikawal ketat oleh Majlis Penasihat Suruhanjaya Sekuriti Malaysia menerusi resolusi kewangan Islam yang dinamik sejajar dengan keperluan dan tuntutan semasa yang sewajarnya dimanfaatkan oleh semua institusi wakaf di negara ini.

KESIMPULAN

Institusi wakaf memainkan peranan yang signifikan terhadap pembangunan sosioekonomi ummah bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat Islam serta menjamin kesinambungan syiar Islam. Aspek pembangunan, pendanaan dan pelaburan merupakan tiga faktor utama yang saling berkaitan dalam menentukan hala tuju institusi wakaf di Malaysia. Strategi pelaburan harta wakaf secara mampan yang menggabungkan aspek penghayatan terhadap objektif penubuhan wakaf, pematuhan prinsip syariah dalam mekanisme pelaburan, strategi peruntukan aset (*aset allocation*), mempelbagaikan pilihan pelaburan, serta pengurusan risiko yang cekap menerusi jaminan pengekalan modal aset wakaf merupakan antara faktor yang penting bagi memaksimumkan pulangan pelaburan wakaf. Pengurusan agihan manfaat wakaf secara telus, berintegriti dan penuh akauntabiliti oleh semua pentadbir wakaf di Malaysia juga amat signifikan ke arah meningkatkan keyakinan dan kepercayaan rakyat Malaysia untuk membudayakan amalan berwakaf. Wakaf merupakan suatu cabang dalam bidang muamalat yang terbuka luas padanya pintu ijtihad selaras dengan ciri *murunah (fleksibiliti)* dalam perundangan Islam, lebih-lebih lagi dalam aspek yang melibatkan kemaslahatan ummah. Anjakan paradigma perlu direalisasikan oleh semua pentadbir dan pengurus wakaf di Malaysia ke arah mentransformasikan institusi wakaf sebagai agen yang mempromosikan pertumbuhan dan kemajuan sosioekonomi ummah bagi mengatasi masalah kemiskinan dan kemunduran yang mencengkam sebahagian besar umat Islam di seluruh dunia. Secara tuntasnya, konsep pembangunan dan pelaburan harta wakaf secara lestari menurut perspektif Islam merangkumi dimensi yang begitu syumul kerana berpaksikan nilai spiritual (tauhid kepada Allah) dan material bagi mencapai matlamat *al-falah*, yakni kecemerlangan ummah secara mampan di dunia dan akhirat.

RUJUKAN

- ‘Alau al-ddin Abi Bakr bin Mas‘ud al-Kasani, t.th. *Badai‘ al-Sanai‘fi Tartib al-Sharai‘*. Jilid 8. Beirut: Dar al-Kitab al-‘Imiyah, hlm. 38.
- Abbas, Abdelraman B.M., 1990. “*The Economics of Benevolence: An Islamic Paradigm*”. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, University of Wales, hlm. 123-28.
- Abdul Haseeb Ansari, Parveen Jamal dan Umar A. Oseni, “Sustainable Development: Islamic Dimension with Special Reference to Conservation of the Environment” dlm. *Advances in Natural and Applied Sciences* 6:5, hlm. 607-19, Mac 2012.
- Abu Bakar Yang, 2014. “Pembangunan Wakaf (Perbadanan Wakaf Negeri Selangor)”. Kertas kerja dalam Seminar Waqaf Antarabangsa 2014. Hotel Istana Kuala Lumpur, 8-10 Disember 2014.
- Ahmad, Kurshid, 1980. “Economic Development in an Islamic Framework” dlm. Ahmad, Kurshid (ed.). *Studies in Islamic Economics*. Leicester: Islamic Foundation.
- Ainul Jaria Maidin dan Omar Oseni, “Islamic Principles on Sustainable Land use Planning and Development” dlm. *Journal of Islamic Law Review* 7:1, hlm. 60-63, Jun 2011.
- Al-Abiy al-Azhari, Salih ‘Abd Al-Sami‘, 1970. *Jawahir al-Iklil fi Mazhab al-Imam Malik*. Jilid 2. Kaherah: ‘Isa al-Babi al-Halabi, hlm. 205.
- Al-Arnawut, Muhammad M., 2000. *Dawr al-Waqf fi al-Mujtami‘at al-Islamiy*. Lubnan: Dar al-Fikr al-Mu‘asir, hlm. 79.
- Al-Bukhari, t.th. “Bab ma lil wasiyyi al-ya‘mal fi mal al-yatim” dlm. *Kitab al-wasaya*, no.hadis 2764, hlm. 223.
- Al-Busharah, Khaled M., 2012. “Kuwait Awqaf Public Foundation (KAPF) Developmental Social Experience and Prospects”. Kertas kerja The Arab Forum Towards a New Welfare Mix: Rethinking the Role of the State, Market and Civil Society in the Provision of Basic Social Services. Beirut, 19-20 Disember 2012.
- ‘Ali bin Umar al-Dar al-Qutni, t.th. *Sunan al-Dar al-Qutni*. Beirut: Dar al-Ma‘rifah, hlm. 280.
- Al-Imam al-Shafi‘i dan Muhammad Idris, 1990. *Al-Um*. Jilid 2. Beirut: Dar al-Ma‘rifah, hlm. 32.
- Al-Imam Malik bin Anas, 1992. *Al-Muwatta‘*. Dubai: Maktabah al-Furqan, hlm. 582, 587.
- Al-Imam Malik bin Anas, t.th. *Al-Mudawwanah al-Kubra*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah. Jilid 4, hlm. 452.
- Al-Khin, Mustafa, al-Bugho, Mustafa, dan al-Syarbaji, ‘Ali, 2009. *Kitab Wakaf, Wasiat dan Faraid*. Jilid 5. Diterjemahkan oleh Ridzuan Hashim *et al.*, Kuala

- Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd., hlm. 934. (Teks asal dalam bahasa Arab, Al- Fiqh al-Manhaji ‘Ala Mazhabi al-Imam al-Shafi‘i).
- Al-Nadwi Ahmad. A., 2000. “Al-Qawa’id Al-Fiqhiyyah”, Artikel 87 dlm. *Majallah al-Ahkamal- ‘Adliyyah*. Syria: Dar Al-Qalam, hlm. 411.
- Al-Nasai’y, t.th. *Kitab al-Ihbas*, hadis no. 3637, hlm. 2326.
- Al-Sharbiniy, Shamsuddin Muhammad bin al-Khatib, 1997. *Mughni al-Muhtaj ila Ma’rifati alfazal-Minhaj*. Jilid 2. Beirut: Dar al-Ma’rifah, hlm. 376.
- Al-Syaikh Salih ibn `Abd al-`Aziz ibn Muhammad, 2008. *Mawsu‘ah al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah: Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abi Dawud, Jami‘ al-Tirmizi, Sunan al-aisai’y, Sunan Ibn Majah*. Al-Riyad: Dar al-Salam.
- Al-Quran, 1998. Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran. Kuala Lumpur: Darulfikir.
- Al-Zarqa, Ahmad, 1997. *Ahkam al-Awqaf*. Amman: Dar Ammar, hlm. 10.
- Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505).
- Asyraf Wajdi Dusuki (ed.), 2011. *Islamic Financial System: Principles and Operations*. Kuala Lumpur: International Shari‘ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA), hlm. 452-53.
- Baskan, Birol, 2002. “Wakaf System as a Redistribution Mechanism in Ottoman Empire”. Kertas kerja 17th Middle East History and Theory Conference. Center for Middle Eastern Studies, University of Chicago, 10- 11 Mei 2002, hlm. 18.
- Brown L. D. dan Mark H. M., 2001. “Accountability, Strategy and International Non-Governmental Organizations. The Hauser Center for Nonprofit Organizations”. The Kennedy School, Harvard University, hlm. 13.
- Bryce, Herrington J., 2000. “Financial and Strategic Management for Nonprofit Organizations, A Comprehensive Reference to Legal, Financial, Management and Operations Rules and Guidelines for Nonprofits”. Edisi Ketiga. San Francisco: Jossey-Bass.
- Burhan al-Din Ibrahim bin Musa bin Abi Bakr ibn al-Syakh ‘Ali al-Tarabulsi, 1902. *Al-Is‘af fi al-Ahkam*, hlm. 3.
- Cizacka, Murat, 2000. *A History of Philanthropic Foundations, The Islamic World from the Seventh Century to the Present*. Istanbul: Bogazici University Press, hlm. 52.
- Cizacka, Murat, 2011. “The Waqf, its Contribution and Basic Operational Structure”. Kertas kerja Waqf Redefining Prosperity and Growth. International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF), Kuala Lumpur, 15 Disember 2011.

- Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005.
- Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.
- “Endowments, Volatility and Time”. Kertas kerja dalam Nuffield Foundation Investment Seminar, 5 Mac 2007, hlm. 7. (Diadaptasi daripada Elroy Dimson). Harvard Endowment, 2013.
- Harvard Management Company Endowment Report 2013.
- Harvard Management Company, 2014. “Message from CEO” dlm. Annual Endowment Report, September 2014, hlm. 1. Harvard: Harvard University.
- Ibn al-‘Arabiyy al-Maliki, t.th. ‘*Aridah al-Ahwazi bi Sharh al-Tirmizi*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, hlm. 136.
- Ibn Khaldun, 2005. *The Muqaddimah: An Introduction to History*. Jilid 2. Diterjemahkan oleh Franz Rosenthal. New York: Bolingen Series XLII Pantheon Books, hlm. 146.
- Ibn Majah, t.th. *Kitab-sadaqat, Abwab al-Sadaqat*, hadis no. 2397, hlm. 2620.
- Ibn Qudamah, Abi Muhammd Abdullah bin Ahmad bin Muhammad, 1997. *Al-Mughni*. Jilid 8. Arab Saudi: Dar ‘Alam al-Kutub 8, hlm. 184.
- Ibn Qudamah, Muwafiquddin Abdullah bin Ahmad, 1985. *Al-Muhniy*. Jilid 5. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-Arabiyy.
- International Shari‘ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA), 2010. *ISRA Compendium for Islamic Financial Terms: Arabic-English*. Kuala Lumpur: ISRA, hlm. 96, 213.
- Jami‘ al-Tirmizi, t.th. “Bab ma ja’a fi al-waqf”, no. hadis. 1375, hlm. 1791
- Jamil Khir Baharom, Ucapan Utama Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Majlis Perasmian Seminar Waqaf Antarabangsa 2014, Hotel Istana, Kuala Lumpur, 7-10 Disember 2014.
- Khan, Muhammad Akram, “The Future of Islamic Economics” dlm. *Futures* 23:3, hlm. 248-61, 1991.
- Magda Ismail Abdel Mohsin, “Revitalization of Waqf Administration and Family Waqf Law” dlm. *US-China Law Review* Bil. 7, No. 6, Jun 2010, hlm. 1.
- Magda Ismail, 2014. “What We Can Do with Waqf Properties”. Kertas kerja Roundtable Discussion on Development Waqf Properties in Malaysia. Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 21 Januari 2014.
- Majma Fiqh al-Duwali*, 11 Mac 2004, Keputusan No. 140 (6/15), Oman.
- Majma Fiqh al-Duwali*, 2009. Keputusan no. 175 (1/19), United Arab Emirates

- (UAE), 26-30 April 2009.
- Miswan@Abdul Hakim et al., 2009. "Pembangunan Harta Tanah dan Pelestarian Alam". Kertas kerja dalam Seminar Pembangunan Harta Tanah Kebangsaan Menurut Perspektif Islam. Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 11-12 Ogos 2009.
- Mohammad Obaidullah, 2014. "Waqf Development: Islamic Development Bank Experience". Kertas kerja dalam Seminar Wakaf Kebangsaan 2014. Hotel Istana, Kuala Lumpur, 7-8 Disember 2014, hlm. 1.
- Mohammad Tahir Sabit Mohammad, 2008. "Sustaining the Means of Sustainability: The Need for Accepting Wakaf (Wakaf) Assets in Malaysian Property Market". Kertas kerja dalam The 14th Annual Conference of the Pacific Rim Real Estate Society. Kuala Lumpur, 20-23 Januari 2008, hlm. 1.
- Mohd. Afandi Mat Rani et al., t.th. *Transformasi Wakaf di Malaysia: Isu dan Cabaran*. Shah Alam: Institut Kajian Zakat Malaysia, Universiti Teknologi Mara, hlm. 151.
- Mohd. Anan, C., 2014. "Senario Pembangunan Waqf di Malaysia: Waqaf Melestarikan Pembangunan Ummah". Kertas kerja dalam Seminar Wakaf Antarabangsa 2014, 7-10 Disember 2014, hlm. 13.
- Mohd. Daud Bakar, 1999. "Amalan Institusi Wakaf di Beberapa Negara Islam" dlm. Nik Mustapha Nik Hassan, *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), hlm. 161.
- Mohd. Daud Bakar, 1999. "Konsep dan Matlamat Harta dalam Pembangunan Ummah" dlm. Abdul Monir Yaacob dan Mohd. Fauzi Mustaffa, *Pentadbiran Harta Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Insitut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), hlm. 1-24.
- Monzer Kahf, "Financing the Development of Awqaf Property". Kertas kerja Seminar on Development of Awqaf. Kuala Lumpur, 2-4 Mac 1998.
- Monzer Kahf, 1999. "Towards the Revival of Awqaf: A New Fiqhi Issues to Reconsider". Kertas kerja dalam Seminar Harvard Forum on Islamic Finance and Economics. Harvard University, U.S.A., 1 Oktober 1999, hlm. 4.
- Monzer Kahf, 2011. *Asasiyyat al-Tamwil al-Islamiy*. Kuala Lumpur: International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA), hlm. 17-18.
- Muhy al-din al-Nawawi, t.th. *Al-Majmu' Sharh al-Muhaddhab li Al-Shirazi*. Jilid 16. Jeddah: Maktabah al-Irsyad, hlm. 243.
- Nik Mohd. Zain Yusof dan Azimuddin Bahari, 1999. "Kedudukan dan Potensi Pembangunan Hartanah Wakaf di Malaysia: Satu Penilaian" dlm. Nik Mustafa Nik Hassan (ed.). *Konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

- Nikmat Abd. al-Latif Masyhur, 1997. *Athar al-Waqf fi Tanmiyyah al-Mujtama'*. Kaherah: Markaz Saleh Abdullah Kamil li al-Iqtisad al-Islami, Jami'ah al-Azhar, hlm. 44.
- Nor Sharina Mohd. Rafien *et al.*, 2013. "Not-For-Profit Religious Organization in Malaysia: A Case on Zakat Institution" dlm. Noraini Mohamad *et al.* (ed.). *Islamic Philanthropy for Ummah Excellence*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Zakat Malaysia (IKaZ), Universiti Teknologi MARA, hlm. 239.
- Noraini Md. Top, 1991. "Mobilisation of Waqf Resources in Malaysia: Problems and Prospects". Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, hlm. 2.
- Perlembagaan Persekutuan.
- Rumusan dan Resolusi Seminar Waqaf Antarabangsa 2014. Hotel Istana Kuala Lumpur, 7-10 Disember 2014.
- Sahih Muslim, t.th. "Bab al-waqf", hadis no. 4224 dlm. *Kitab al-Wasiyyah*, hlm. 963.
- Sardar, Ziauddin, "Beyond Development: An Islamic Perspective" dlm. The European Journal of Development Research 8:2 (Special Issue: Cultural Perspectives on Development), hlm. 47, 1996.
- Securities Industry Development Corporation (SIDC) (2009). *Soal Jawab Pelabur, Langkah Permulaan Pelaburan*. Kuala Lumpur: SIDC, hlm. 10.
- Shams al-Din al-Sarakhsi, 1986. *Al-Mabsut*. Jilid 12. Beirut: Dar al-Ma'rifah, hlm. 27.
- Shams al-Din Muhammad bin al-Khatib al-Sharbini, 1997. *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifati Alfaz al-Minhaj*. Jilid 2. Beirut: Dar al-Ma'rifah, hlm. 485.
- Shamsiah Abdul Karim. "Contemporary Shari'a Compliance Structuring for the Development and Management of Waqf Assets" dlm. *Singapore Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies* 3:2, Mac 2010, hlm. 143-64.
- Shamsiah Abdul Karim, 2010. "Contemporary Shari'ah Structuring for the Development and Management of Waqf Assets in Singapore". Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Durham University, hlm. 40.
- Shamsiah Abdul Karim, 2012. "Contemporary Investment and Development of Waqf Assets in Singapore". Kertas kerja dlm. International Islamic Capital Market Forum. Sasana Kijang, Kuala Lumpur, 20 September 2012.
- Shukti Adam dan Ahcene Lahsana, 2013. "Cash Endowment as Source of Fund in Islamic Micro-Financing". Kertas prosiding 4th International Conference on Business and Economic Research (4th ICBER 2013). Bandung, Indonesia, hlm. 1363.
- Siddiqi, Muzammil H., 2009. Principles and Goals of Development: An Islamic Perspective. Diadaptasi daripada Miswan @Abdul Hakim Mohammed *et*

- al., "Pembangunan Harta Tanah dan Pelestarian Alam". Kertas kerja dalam Seminar Pembangunan Harta Tanah Kebangsaan Menurut Perspektif Islam. Dewan Besar Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur, 11-12 Ogos 2009, hlm. 5.
- Siti Mashitoh Mahamood, 2011. "Law of Waqf in Malaysia: Recent Developments" dlm. Monzer Kahf dan Siti Mashitoh Mahamood (ed.). *Essential Readings in Contemporary Waqf Issues*. Kuala Lumpur: CERT Publications, hlm. 94-5.
- Slim, Hugo, "What is Development" dlm. *Development in Practice* 5:2, hlm. 143-44, Mei 1995.
- Sunan Abi Dawud, "Bab ma ja'a fi al-rajul yuqafu al-waqf", hadis no. 2878 dlm. Kitab al-Faraid, hlm. 1438.
- Syed Othman al-Habsyi, "Islam dan Pembangunan Ummah" dlm. *Jurnal Dakwah*, 1987.
- Tunku Alina Raja Muda Alias, 2011. "Unleashing the Potential of the Waqf as an Economic Institution in Malaysia: Policy, Legal and Economic Reforms". Tesis Ijazah Doktor Falsafah. International Centre for Education in Islamic Finance, Kuala Lumpur.
- Wildermuth, 2012. *How the Smart Money Invests. Wise Money. Using Endowment Investment Approach to Minimize Volatility and Increase Output*. New York: Mc Graw Hill, hlm. 151-52.
- Wildermuth, Daniel, 2012, hlm. 57, 150.
- Yale Endowment 2013.
- Yale University Investment Office, 2014. <http://investments.yale.edu/>. (Diakses pada 11 Disember 2014).
- Yediyildiz, B., 1996, "Place of the Waqf in Turkish Cultural System". Kertas kerja dalam Seminar Habitat II. Istanbul, 12 April 1996.
- Zainal Abidin Jaafar, 2014. "Pengurusan dan Pelaksanaan Wakaf: Pengalaman Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)". Kertas kerja dalam Seminar Wakaf Kebangsaan 2014, Hotel Istana, Kuala Lumpur, 7-10 Disember 2014.
- Zaini Osman, 2014. "Financing Models for Enhancing Waqf Asset in Singapore". Kertas kerja dalam Seminar Waqaf Antarabangsa 2014, Hotel Istana, Kuala Lumpur, 7-10 Disember 2014.